

Mahathir kritik pihak tertentu

U.M 21 APR 1993

SHAH ALAM 20 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengkritik pihak-pihak tertentu yang memperbesar-besarkan kerugian RM9.3 bilion dalam rizab Bank Negara Malaysia.

Katanya, golongan tersebut berbuat demikian semata-mata untuk menunjukkan kelemahan kerajaan yang seolah-olah tidak tahu untuk mengendalikan ekonomi negara.

"Sebaliknya apabila bank itu mendapat keuntungan yang besar melalui pasaran mata wang asing, golongan itu tetap juga marah dan merendahkan kerajaan melalui tulisan mereka," tegasnya kepada pemberita semasa mengulas kerugian rizab Bank Negara berjumlah RM9.3 juta seperti yang diumumkan oleh gabenor bank itu semalam.

Kerugian

Dr. Mahathir ditemui selepas merasmikan Bangunan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) di sini hari ini.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussein dalam laporan akhbar hari ini menjelaskan bahawa kerugian itu hanyalah kerugian di atas kertas sahaja hasil daripada kesan kenaikan nilai Ringgit.

Jaffar dalam laporan itu dipetik sebagai berkata, tiada kerugian sebenar berlaku kerana tidak ada penipuan atau jenayah pecah amanah dilakukan oleh mana-mana kakitangan bank itu berhubung hal tersebut.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak akan mengambil sebarang tindakan terhadap mana-mana kakitangan bank itu kerana beliau menganggap "ia bukan caranya."

Senyap

"Saya tidak nampak kenapa saya perlu mengambil tindakan terhadap kakitangan bank itu...ia bukan caranya... masa mereka buat untung kita seryap saja, masa rugi kita nak buang orang," jelas beliau semasa menjawab satu soalan.

Dr. Mahathir berkata, apa yang dilakukan oleh Bank Negara dalam pasaran mata wang asing itu

bukanlah amalan luar biasa kerana negara mempunyai kebolehan dan ekonomi yang kukuh.

"Negara mempunyai rizab berjumlah kira-kira RM49 bilion dan ia cukup untuk membeli barang-barang selama tujuh bulan...dulu hanya empat bulan sahaja," katanya.

Menurut Perdana Menteri, seperti yang dijelaskan oleh Jaffar, sekiranya bank itu terlibat dalam pasaran mata wang asing dan jika mata wang itu merosot, sudah tentu ia akan mengalami kerugian.

Tetapi, katanya, ia hanyalah kerugian nilai buku sahaja.

Pandangan

Beliau turut merujuk kepada pandangan pihak tertentu yang menasihatkan kerajaan jangan menggunakan rizab negara untuk mempertahankan Ringgit.

Bagaimanapun, katanya pihak yang sama juga berkata, kenapa pula nilai Ringgit meningkat dan rizab negara hilang.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, sekiranya mereka mahu supaya rizab negara banyak, mudah sahaja ia itu menurunkan nilai (devalue) Ringgit.

"Katakanlah... bukan RM4 bagi setiap 1 pound tetapi RM8 bagi 1 pound, maka 1,000 pound yang dipegang itu akan meningkat menjadi RM8,000.

"Walau bagaimanapun, kita terpaksa hada-

pi...kalau tidak, macam mana nak simpan mata wang asing. Kita juga

mesti ingat bahawa ada wang naik dan ada wang turun nilai," tambahnya.